


## MINAT MEMBACA DAN AYAT-AYAT CINTA

oleh Abd Rahim Abd Rahman

Umum mengetahui tentang kepentingan pembacaan dalam kehidupan seharian. Renungkan ungkapan “Membaca menjadikan seorang itu berisi” (Lord Bacon:1561). Islam sendiri meletakkan kepentingan membaca secara jelas apabila ayat pertama diwahyukan kepada manusia memerintahkan manusia mencari ilmu, dengan erti kata lain membaca. Perkataan “Iqraq” (Bacalah) telah diulang sebanyak dua kali (dalam ayat pertama dan ketiga) dan seterusnya dalam ayat ke empat perkataan “Bacalah” telah dikaitkan dengan “Aklam” ( pena).

“Sesungguhnya bangsa yang maju dan kuat adalah bangsa yang berilmu - bukan yang cetek pengetahuan dan membiarkan diri mereka diperkotak-katikkan.” Jadi, janganlah kita terlalu leka dan hanyut dengan dunia hiburan realiti yang hanya penuh fantasi semata-mata.

Berdasarkan Laporan Tabiat Membaca Rakyat Malaysia pada tahun 1996 yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, secara purata rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Manakala pada tahun 1995 dilaporkan 9 juta naskhah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam pelbagai bidang tersadai di dalam setor sama ada ia tidak terjual ataupun tidak laku, situasi ini menunjukkan sikap masyarakat kita yang tidak gemar membaca. Timbul pelbagai alasan dan sebab dikemukakan yang menyumbang kepada berlakunya situasi ini.



Antara alasan yang paling kerap didengar ialah berkenaan buku-buku yang terdapat di pasaran tidak menawan hati pembaca. Buku-buku yang dijual di kedai buku kebanyakannya menjual buku teks dan buku rujukan. Buku-buku ini dijual dengan harga yang mahal terutamanya buku ilmiah yang diimport membuatkan pembeli berfikir dua kali untuk membelinya. Selain itu, sikap masyarakat di negara ini yang tidak menitikberatkan aktiviti keilmuan juga penyumbang kepada kadar pembacaan yang rendah. Persepsi atau tanggapan membaca hanya ketika di sekolah, institusi pengajian tinggi, perpustakaan dan kedai buku semata-mata merupakan antara alasan yang sering didengar.

Rentetan daripada itu, terdapat golongan remaja yang lebih tertarik kepada majalah hiburan namun tidak mampu membelinya. Terdapat juga golongan pelajar yang berminat membeli bahan bacaan yang berbentuk komik ringan kerana memaparkan gambar dan cerita sekali gus sebagai cara untuk mereka menghilangkan seketika tekanan belajar. Menurut Amin Shakib (1997), salah satu alasan menarik yang dikemukakan ialah para pelajar terlalu sibuk dengan pelajaran serta aktiviti sekolah sehingga menyebabkan tidak ada masa untuk mereka menjadikan tabiat membaca sebagai hobi. Beliau juga menekankan sistem pendidikan hari ini yang terlalu berorientasikan peperiksaan, menyebabkan ramai pelajar

yang terpaksa menumpukan perhatian sepenuhnya pada buku teks sehingga menganggap adalah membuang masa membaca buku-buku lain selain buku teks. Pembangunan pesat teknologi pada masa kini yang lebih banyak mendedahkan masyarakat kepada televisyen, video, satelit dan seumpama dengannya turut menyebabkan semakin kurang golongan yang membaca.

Seterusnya, dalam era ledakan teknologi maklumat masa kini, perolehan maklumat dan ilmu pengetahuan tidak hanya terbatas melalui pembacaan semata-mata. Masyarakat kini sudah mempunyai banyak alternatif lain iaitu menerusi buku elektronik yang boleh dicapai melalui internet, capaian nota-nota kuliah yang disediakan dalam laman sesawang penulis-penulis buku teks antarabangsa, artikel-artikel yang berkaitan boleh diperoleh atas talian melalui jurnal-jurnal antarabangsa. Bahan-bahan ini boleh diperolehi dengan mudah dan kos yang jauh lebih rendah berbanding dengan membeli buku untuk dibaca.

Natijahnya, terdapat pelbagai faktor yang menyumbangkan kepada kurangnya tabiat membaca dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini khususnya golongan remaja. Perhatian dan tindakan pelbagai pihak adalah perlu dalam usaha memupuk minat membaca khususnya kepada golongan ini tanpa menuding jari kepada satu-satu pihak sahaja.

## NOVEL AYAT-AYAT CINTA

Minat membaca memang baik dan mengasyikan. Apatah lagi jika buku itu benar-benar dapat memberi kita ilmu dan pengalaman yang sukar hendak di terjemahkan dalam tinta. Seorang ustaz telah menghadiahkan kepada saya sebuah novel yang katanya sungguh mempersonakan. Betulkah?

*“Aku masih mencium bau syurga. Wanginya masuk ke dalam sukma.  
Aku ingin masuk ke dalamnya. Di sana aku*

*berjanji akan mempersiapkan segalanya dan menunggumu untuk bercinta.  
Memadu kasih dalam cahaya kesucian dan kerelaan Tuhan selama-lamanya.”*

- *Sambil terisak Aisha melantunkan ayat:  
Yaa ayyatuhun nafsul muthmainnah  
irji’ii ilaa Rabbiki raadhiyat mardhiyyah  
Fadkhulii fii ‘ibaadii wadkhulii jannatii.*

*(Hai jiwa yang tenang Kembalilah kamu kepada Tuhanmu dengan hati puas lagi diredhai.  
Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu. Maka masuklah ke dalam syurga-Ku.)*

Tajuk novel ini macam jiwang-jiwang sahaja. Saya teruja tetapi cuba membaca di helaian pertama dan akhirnya saya tidak sedar novel itu telahpun habis saya baca dan anehnya ada airmata kebahagiaan mengalir dipipiku. Alhamdulillah. Maka, saya syorkan kepada pelajar-pelajar juga sahabat, dapatkanlah novel hebat ini. Kamu pasti akan merasakan kelembutannya seperti ketika kamu mencium pipi adikmu atau anakmu. MashaAllah.

Keindahan bait-bait “Ayat-ayat Cinta” memang meruntun jiwa saya. Bagi saya, inilah contoh terbaik sebuah novel yang menampilkan ciri-ciri sastera Islami yang ideal. Penulisnya pandai mengadun cerita bersulam dengan ayat-ayat Quran dengan begitu halus sekali sehingga saya tidak merasakan saya membaca sebuah karya fiksyen yang mempunyai dua bahagian yang ketara: bahagian cerita yang mengisahkan kehidupan seorang mahasiswa Indonesia di bumi Cairo dan bahagian cerita yang memuatkan ayat-ayat yang dipetik langsung dari kitab suci Al-Quran. Ternyata, cara pendakwahan yang begitu halus dan menyentuh perasaan ini adalah resipi yang terbaik untuk mengajak umat Islam mengenali kembali sifat-sifat luhur Islami yang mengagungkan perasaan cinta; bukan kepada manusia tetapi kepada Tuhan yang Maha Esa. Makanya, ayat-ayat cinta yang sering bermain di bibir manusia seharusnya ditujukan kepada Allah, Tuhan Maha Pencipta yang menganugerahkan perasaan cinta itu sendiri di dalam jiwa manusia.

SUBHANALLAH...! sungguh benar-benar suatu anugerah yang luar biasa telah membaca suatu karya agung ini. Terima kasih pada Habiburrahman El Shirazy (Pengarang) yang telah

menghasilkannya. Apa yang penting teruskanlah minat hobi membaca kamu. Carilah bahan bacaan yang dapat membantu kamu di dunia dan akhirat.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Razaq Ahmad (2005). Buku dan pendidikan: *ke arah penghayatan membaca*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Frank Small and Associates (1998). Profil Membaca Rakyat Malaysia, 1996: *Laporan Kajian Yang Dijalankan Bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Habiburrahman, El Shirazy (2008). *Ayat-Ayat Cinta*. Kuala Lumpur: AR Risalah Product Sdn Bhd.

Shaharom TM Sulaiman (2002). *Keanehan dan Keunggulan Buku*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Sidek Baba (2007). *Wahai Remaja Kembaramu Bermula Di Sini*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.



## Biodata

En. Abdul Rahim Abdul Rahman berkelulusan M.LIS (UM) dan B. Lib. Sc (UiTM) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM. Mula berkhidmat di fakulti semenjak tahun 1998 dan pernah bertugas sebagai Pustakawan di beberapa organisasi.